

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 DECEMBER 2016

Dr. M sanggup ketepi maruah demi politik

um - 5/12/2016

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Kehadiran Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Persidangan Kebangsaan DAP hari ini membuktikan beliau sanggup mengetepikan maruah sebagai negarawan demi mencapai matlamat politik.

Pensyarah kanan Fakulti Komunikasi dan Media Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Dr. Ismail Sualman berkata, Dr. Mahathir kini berada dalam kelompok pakatan pembangkang yang diketuai oleh DAP dan disebabkan itu beliau terpaksa menukar

watak sehingga sanggup memberikan pujian kepada parti yang pernah dilabelkan sebagai rasis oleh beliau.

“Pelbagai kemungkinan boleh berlaku apabila beliau berada di pihak pembangkang, kadangkala dia lupa dengan apa yang pernah disebut dahulu mengenai DAP.

“Beliau dilihat sanggup mengorbankan maruah sendiri dan permainan politik sebegini merupakan satu dimensi baru dalam dunia politik negara ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Dr. Mahathir mengejutkan ramai pemerhati politik apabila hadir pada Persidangan Kebangsaan DAP di Shah Alam, hari ini.

Beliau duduk di atas pentas bersama-sama pemimpin-pemimpin kanan parti itu antaranya Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan pengasas DAP Dr. Chen Man Hin.

Menurut Ismail, Dr. Mahathir mungkin telah terjerat dengan permainan politik ciptaan beliau sendiri sehingga tidak mempunyai pilihan lain untuk meraih sokongan dalam pakatan pembangkang.